



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MENDIANG TUN V.T SAMBANTHAN TOKOH YANG MENCORAKKAN ASAS PERPADUAN DAN KEHARMONIAN DALAM SEJARAH MALAYSIA

Sebagai manifestasi penghargaan negara terhadap pemimpin yang telah memperjuangkan keutuhan masyarakat Malaysia yang majmuk, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan **Program Mengenang Jasa Mendiang Tun V.T. Sambanthan (Tun Thirunyanasambanthan Veerasamy), Menteri Perpaduan Negara yang pertama**. Program telah disempurnakan oleh YB Menteri Perpaduan Negara di Petaling Jaya, hari ini.

Sumbangan dan jasa beliau dikenang sebagai individu yang memperjuangkan akses pendidikan, hak pekerja ladang dan pemerkasaan komuniti luar bandar dengan penuh semangat kesamarataan. Sebagai Menteri Perpaduan pertama Malaysia (1972-1974), Tun Sambanthan membuka dasar-dasar yang menjunjung perpaduan nasional.

Dalam ucapannya, YB Datuk Aaron Ago Dagang menekankan bahawa perjuangan Tun Sambanthan “**bukan sahaja harus dikenang, tetapi perlu terus hidup dalam jiwa dan tindakan generasi hari ini.**” Beliau menggelar Tun Sambanthan sebagai “**arkitek kepada semangat *inter-ethnic cooperation***” yang membuktikan formula perpaduan merupakan satu-satunya jalan membina sebuah negara bangsa yang bersatu dan merdeka.

Beliau turut memberi mandat kepada Arkib Negara Malaysia agar menjadikan pameran kesemua negarawan sebagai input wajib dalam program Arkib@Sekolah.

Majlis pada hari ini turut menyaksikan pelancaran Buku **Tun V.T. Sambanthan Speaks** terbitan Arkib Negara Malaysia. Buku ini memaparkan koleksi teks ucapan Tun V.T. Sambanthan semasa beliau berkhidmat sebagai Menteri Perpaduan dan menteri dalam Kabinet Malaya/Malaysia.

Selain itu, satu Pertandingan Pidato Mengenang Sejarah dan Jasa Tun V.T. Sambanthan akan dianjurkan oleh National Land Finance Co-operative Society (NLFCS) dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia pada bulan November 2025 sebagai satu inisiatif memperingati legasi tokoh negarawan ini.

Kementerian Perpaduan Negara

15 Julai 2025

KPN.100-9/1/16 (50)